

02 FEB 2002

Abdullah-Afrika

RAMAI PENDATANG HARAM AFRIKA MASUK MELALUI SEMPADAN MALAYSIA-THAI

KEPALA BATAS, 2 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata operasi kawalan sempadan Malaysia-Thailand akan dipertingkatkan kerana kebanyakan pendatang tanpa izin dari negara-negara Afrika memasuki negara ini melalui kawasan itu.

"Saya dapati banyak pendatang tanpa izin haram yang datang (masuk) dari sempadan Malaysia-Thai...disebabkan itu, kerajaan akan meningkatkan operasi di kawasan tersebut untuk mengurangkan bilangan pendatang haram, terutama dari negara-negara Afrika," katanya di sini hari ini.

"Ini penting bagi kita kerana selama ini, (kerajaan) beri perhatian meningkatkan operasi di Sabah dan (perairan) Melaka," kata Timbalan Perdana Menteri pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa Umno Bahagian Kepala Batas.

"Apa yang sedang berlaku ramai masuk dari Thailand...operasi perlu dipertingkatkan di kawasan ini," katanya ketika ditanya mengenai operasi memburu sekumpulan pendatang Afrika yang lari ketika dibawa ke pusat tahanan di Kemayan, Pahang semalam.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata sebanyak 132 orang daripada mereka yang lari itu telah ditangkap semula kecuali 21 orang lagi yang masih bebas.

Beliau berkata Malaysia tidak menegah rakyat dari negara-negara Afrika datang untuk melabur, berniaga atau melancong kerana ia selaras dengan dasar kerajaan mengadakan hubungan baik dan kerjasama dengan negara-negara lain di dunia termasuk negara-negara Afrika.

Bagaimanapun, masalah timbul apabila ramai pendatang termasuk dari negara-negara Afrika masuk secara haram iaitu masuk tanpa dokumen, katanya.

Menurutnya mereka masuk dengan cara menyeludup melalui sempadan Malaysia-Thailand dan juga dari selatan (Semenanjung) serta Sabah.

"Ini (memperketatkan kawalan di sempadan) tidak bertujuan menyusahkan warganegara dari negara-negara sahabat untuk datang," katanya.

Mereka yang masuk secara haram akan dihantar balik, katanya.

Abdullah bagaimanapun berkata proses menghantar balik pendatang tanpa izin dari Afrika mengambil masa yang lama kerana negara-negara asal mereka enggan menerima mereka.

Ini kerana pendatang-pendatang itu tidak mempunyai dokumen yang membuktikan negara asal mereka, katanya.

Beliau berkata Kementerian Luar akan diminta mengadakan perbincangan dengan negara-negara Afrika terlibat untuk mengatasi masalah tersebut.

Kebanyakan pendatang Afrika yang ditahan dalam operasi di sekitar Kuala Lumpur semalam dipercayai dari Liberia, Cameroon, Zimbabwe, Nigeria dan Sierra Leone.

Abdullah berkata Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai telah memberi taklimat kepada beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kejadian semalam.

Beliau berkata polis akan mengetatkan prosedur operasi penghantaran pendatang dalam jumlah yang ramai ke kem-kem tahanan bagi mengelak berulangnya kejadian seperti itu.

Antara langkah yang akan diambil ialah dengan menggunakan khidmat Unit Simpanan Persekutuan bagi menggantikan anggota polis biasa, katanya.

-- BERNAMA

AHM NM MOZ